

02/10/2002

Menteri nafi usahawan Melayu dipinggir

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, hari ini kesal dengan dakwaan setengah pihak kementerianya tidak membantu usahawan Bumiputera menceburi bidang pembekalan alatan perubatan dan makmal hospital.

Katanya, dakwaan bahawa kurang daripada 10 peratus peruntukan kerajaan RM450 juta untuk perbelanjaan kementerianya disalurkan kepada syarikat Bumiputera adalah tidak berasas.

Katanya, pihak yang membuat dakwaan itu tidak sepatutnya memainkan isu perkauman tanpa memeriksa sama ada fakta yang diperolehi tepat atau tidak.

"Saya rasa kesal kerana Kementerian Kesihatan mengadakan dialog tahunan tetapi organisasi ini tidak pernah menyertai sesi dialog itu. Saya mahu mereka memberikan bukti jika ada fakta yang betul.

"Tetapi sampai kini, tidak pernah dapat permintaan daripada mereka untuk berjumpa dengan saya atau menyertai dialog tahunan, yang mana adalah peluang terbaik untuk sesiapa juga menyuarakan perasaan agar masalah yang timbul dapat diatasi oleh pegawai dan doktor yang hadir," katanya.

Chua berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani penubuhan syarikat usaha sama Malaysia-Cuba, Heber Bioven Sdn Bhd antara syarikat tempatan, Bioven Holding Sdn Bhd yang diwakili Pengerusinya, Mukhriz Mahathir, Pengarah Eksekutif, Johan Indot dan Herber Biotec S A, diwakili Dr Merado Pujol serta Dr Manuel Raices.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan akhbar Persatuan Pembekal-pembekal Alatan Perubatan dan Makmal Bumiputera (Perutama) yang mendakwa beliau tiada usaha yang bersungguh-sungguh membantu usahawan Bumiputera dalam bidang itu.

Presidennya, Ikmal Hisham Abdul Aziz, dalam kenyataan itu, berkata kurang 10 peratus peruntukan kerajaan RM450 juta untuk perbelanjaan Kementerian Kesihatan daripada Januari hingga Ogos tahun ini disalurkan kepada syarikat Bumiputera.

Katanya, ini bermakna peluang perniagaan yang luas itu hanya dinikmati sekelompok usahawan bukan Bumiputera sekali gus menafikan peluang usahawan Bumiputera yang menceburi bidang itu.

"Perutama mendapati sejak dulu lagi, bidang ini dimonopoli oleh bukan Bumiputera sekali gus menimbulkan persoalan terhadap Menteri yang bertanggungjawab ke atas kementerian berkenaan.

"Perutama kesal kerana kebanyakan usahawan bukan Bumiputera yang mendapat kontrak membekalkan alatan perubatan dan makmal hospital menggunakan syarikat milik Bumiputera dengan hanya memberi komisyen sebanyak tiga peratus.

"Ini bermakna kuota tender Bumiputera dalam bidang ini dimonopoli oleh syarikat milik bukan Bumiputera, termasuk syarikat multinasional," katanya.

Ikmal yang juga Timbalan Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda Umno Malaysia berkata, pihaknya akan menyerahkan memorandum terperinci yang mendedahkan permasalahan dalam bidang pembekalan alatan perubatan dan makmal hospital kerajaan kepada Menteri Kewangan, Setiausaha Perbendaharaan, Menteri Kesihatan dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan.